



Menurut Uggah, sepanjang November sehingga Mac ini beberapa siri hujan monsun yang menyeluruh dijangka berlaku, lebih tertumpu di bahagian tengah dan barat Sarawak yang mana sekiranya hujan berterusan selama tiga hari berturut-turut, boleh mengakibatkan banjir di kawasan berkedudukan rendah dan cenderung banjir,

"Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang tinggi, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk lagi. Ketinggian air pasang paling tinggi ketika air pasang boleh mencecah sehingga 6.5 meter.

"Semasa fasa ini juga, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang lebih kerap dijangka berlaku pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan bahagian di Sarawak terutamanya di Bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah, Kapit dan Bintulu," katanya.

Uggah berkata berdasarkan ramalan cuaca, Bintulu dan Miri dijangka menerima jumlah hujan antara 300 milimeter hingga 500mm pada November dan Disember, manakala Sri Aman, Sarikei, Mukah dan Sibu dijangka menerima jumlah hujan di antara 400mm hingga 550mm pada Disember dan Januari.

"Pada bulan Januari dan Februari pula Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian dijangka menerima jumlah hujan yang tinggi di antara 400mm hingga 800mm," katanya.

Pada mesyuarat hari ini, Uggah turut menyerahkan 3,000 keping penutup hidung dan mulut 'AirPlus Smart Mask' dan 200 keping 'AirPlus Micro Ventilators' sumbangan Temasek Foundation International CLG Limited melalui Pejabat Pelancongan dan Perdagangan Sarawak di Singapura kepada APM Sarawak.